

# **IDA102: MANUSIA DAN AGAMA**

**Noormuthaah Binti Mohamad Ali Adaha**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI**



# KANDUNGAN

1. Taklimat Kursus

2. Panduan Penilaian

3. Panduan Penyediaan K/K

4. “*One minute paper*”



# 1. Taklimat Kursus



# 1. MAKLUMAT KURSUS

Kod Kursus : IDA 102

Nama Kursus : MANUSIA DAN AGAMA

Peringkat : Diploma

Jam Kredit : 02

Jam Temu : 02

Bahagian : 03

Status Kursus : Kursus Universiti



# DESKRIPSI KURSUS



Kursus ini menjelaskan konsep kejadian alam dan manusia dari perspektif Islam dan sains serta keperluan manusia kepada agama. Kursus ini turut membincangkan aspek kepercayaan, amalan beragama dan kepentingan akhlak dalam kehidupan manusia dari aspek cabaran dari teknologi, ideologi dan sosio-budaya dalam kehidupan beragama.



# KANDUNGAN KURSUS



## 1. Alam dan Manusia

- ❖ 1.1 Kejadian alam dari perspektif agama dan sains
- ❖ 1.2 Kejadian manusia dari perpektif agama dan sains
- ❖ 1.3 Tanggungjawab sebagai manusia



# KANDUNGAN KURSUS



## 2. Manusia dan Agama

- ❖ Keperluan Manusia kepada agama
- ❖ Agama Samawi dan kitab-kitab suci
- ❖ Objektif agama

## 3. Konsep kepercayaan dan amalan

- ❖ Konsep kepercayaan dan keimanan
- ❖ Suruhan dan tegahan dalam agama

## 4. Akhlak dan kehidupan manusia

- ❖ Maksud moral, etika dan akhlak
- ❖ Sumber dan pembahagian akhlak



# KANDUNGAN KURSUS



## 5. Cabaran dan Penyelesaian Isu Kontemporari

- ❖ Pengaruh teknologi
- ❖ Pengaruh ideologi
- ❖ Sosio-budaya

## Rujukan Utama:

1. Mohd Asri Abdullah et al., *Prinsip-prinsip Asas Islam: Syariah, Ibadat dan Akhlak*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2006.
2. Rukiah Mohamad, *Asas-Asas Pembinaan Insan*, UPENA, 2011.
3. Syaikh Majid bin Su'ud Alu Ausyan, *Panduan Lengkap dan Praktis Adab dan Akhlak Islami berdasarkan Al-qur'an dan As-Sunnah*, Editor Ilmiah Darul Haq, 2012.



## 2. Panduan Penilaian



## 2. PENILAIAN KURSUS

*Latest !!!*

### A. Penilaian Sepanjang Semester : 100%

- |                         |   |      |
|-------------------------|---|------|
| 1. Kertas Kerja         | - | 40 % |
| 2. Pembentangan         | - | 20 % |
| 3. Ujian akhir Bertulis | - | 40 % |



# 3. Panduan Penyediaan K/K



### 3. PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA



1. Bentuk kumpulan dan pemilihan tajuk

2. Kandungan kertas kerja:

- Pengenalan
- Objektif Kajian
- Kajian Literatur
- Metodologi, Dapatan & Perbincangan
- Rumusan/kesimpulan & Etika
- Bibliografi/ Rujukan

3. Format kertas kerja:

- |           |                                    |
|-----------|------------------------------------|
| - Font    | : Times New Roman (saiz 12)        |
|           | kecuali tajuk atau topik (saiz 14) |
| - Margin  | : justify                          |
| - Spacing | : 1.5 spacing                      |



# PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA



4. Setiap kumpulan hendaklah segera kumpul maklumat daripada sumber rujukan – buku, majalah, keratan akhbar dll setelah mendapat tajuk kertas kerja.
5. Buat rangka kandungan kertas kerja dengan menulis / menyenaraikan topik-topik kecil yang berkaitan atau bersesuaian dengan tajuk kertas kerja.



# PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA



6. Setiap topik atau isi hendaklah dijelaskan dalam bentuk huraian ayat bukan dalam bentuk ‘point’ (Peringatan: dilarang menggunakan ‘bullet’ seperti •, –, ♦ ).
7. Pastikan huraian adalah olahan sendiri bersumberkan rujukan yang dirujuk dan menepati kehendak tajuk kertas kerja
8. Pastikan setiap helai kertas kerja ada nombor mukasurat.



# PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA



9. Pastikan sumber utama rujukan adalah buku manakala majalah, keratan akhbar dan internet adalah sumber sekunder.
10. Muka hadapan kertas kerja hendaklah mengikut format yang diberi oleh pensyarah
11. Kertas kerja hendaklah disiapkan dan diserahkan sebelum atau pada minggu ke 10 perkuliahan.



# PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA



## 12. Kaedah Menulis Rujukan (Kaedah APA)

### A. Buku

*Al-Quran dan Terjemahannya* (1974). Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah al-Quran.

*Kamus Dwibahasa* (1994), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail al-Faruqi (1999), *Atlas Budaya Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lukman Thaib (1998), *Politik Menurut Islam*. Kajang: Synergymate.



# PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA



## B. Jurnal

Nasrul Hisyam.(2016). “Isu Poligami Dalam Islam”, *Al-Islam* 384, hlm. 46-49, Disember 2005.

## C. Akhbar

Zaharuddin Mohd Ali. “PM: Maju Tanpa Mengorbankan Moral”, *Utusan Malaysia*, 21 April 1993.

## D. Laman web

[http://www.ikim.gov.my/bm/artikel/2004/cap04\\_7.htm](http://www.ikim.gov.my/bm/artikel/2004/cap04_7.htm). (23 Jan 2013, jam 9.00am)



# PEMARKAHAN KERTAS KERJA



Penilaian Kertas Kerja: 40%

- |                                       |           |
|---------------------------------------|-----------|
| 1. Pengenalan                         | 4 Markah  |
| 2. Objektif Kajian                    | 4 Markah  |
| 3. Kajian Literatur                   | 8 Markah  |
| 4. Metodologi, Dapatan & Perbincangan | 16 Markah |
| 5. Rumusan, Kesimpulan & Etika        | 4 Markah  |
| 6. Bibliografi/Rujukan                | 4 Markah  |



# PEMARKAHAN PEMBENTANGAN



Penilaian Pembentangan

20%

- |                          |          |
|--------------------------|----------|
| 1. Gaya Pembentangan     | 4 Markah |
| 2. Kemahiran Berpasukan  | 4 Markah |
| 3. Pemikiran Kritis      | 4 Markah |
| 4. Kreativiti            | 4 Markah |
| 5. Etika dan Profesional | 4 Markah |

# ETIKA DAN PROFESSIONAL



TULISAN TIMES NEW ROMAN : SAIZ 12



1.5 SPACING



30 MUKA SURAT  
(ada setiap halaman)



SEKURANG-KURANG  
10 RUJUKAN BERAUTORITI (5 BUKU)



KEKEMASAN :  
*Justify, tiada typing error, binding*



SUMBIT : TIDAK LEWAT



PENULISAN DI DALAM  
BAHASA MELAYU



ITALIC: Perkataan selain  
bahasa melayu seperti  
english, arab dan lain-lain



Terjemahan al-quran dan  
hadis, pendapat tokoh : italic,  
ketengahkan, 1.0 spacing,  
sumber



# **Maklumat Muka Depan Kertas Kerja:**

- 1. Tajuk kertas kerja**
- 2. Program/Kod Program/Kumpulan**
- 3. Kursus/Kod Kursus**
- 4. Ahli Kumpulan Dan No. ID Pelajar**
- 5. Nama Pensyarah**

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

Bil	Isi kandungan	Muka Surat
1.	1.0 Pengenalan	2
2.	2.0 Pendekatan dan Metodologi	3
3.	3.0 Objektif Kajian	4
4.	4.0 Kajian Literatur	5-7
5.	5.0 Metodologi Kajian 5.1 Data Primer 5.1.1 Temu Bual 5.1.2 Soal Selidik 5.2 Data Sekunder 5.2.1 Internet 5.2.2 Buku 5.3 Kaedah Analisis Data	8-9
6.	6.0 Dapatan Kajian & Perbincangan 6.1 Pengertian Ekonomi 6.2 Teori Keusahawanan 6.2.1 Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) 6.2.2 Dasar Ekonomi Baru 6.2.3 Teori Pembelajaran Kolb 6.3 Hasil Kajian	9-23
7.	7.0 Rumusan dan Kesimpulan	24
8.	8.0 Rujukan	25-26
9.	9.0 Lampiran	27-30

- Mengandungi **TOPIK** dan **SUB TOPIK** perbincangan dan halaman
- TOPIK : CONTOH 1.0, 2.0**
- SUBTOPIK : CONTOH 2.1, 2.2, 3.1,3.2**

## **1.0 PENDAHULUAN :**

Penerapan nilai-nilai murni merupakan satu tumpuan utama dalam proses pembentukan jati diri rakyat Malaysia. Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila seseorang individu dalam hubungan sesama manusia ,alam mahupun Tuhan . Tanpa akhlak mulia dan nilai-nilai murni dalam diri, jati diri tidak dapat dibentuk dan dipupuk dengan baik.

Pendidikan di Malaysia merupakan satu wadah penting dalam menjana anjakan paradigma seseorang individu disamping memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan dan membentuk diri setiap individu yang dinamik dalam semua aspek kehidupan .Pendidikan kerap kali dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran ( P&P ) sesuatu dan penerapan ilmu pengetahuan. Hasil pendidikan yang berkesan mampu melahirkan modal insan yang merupakan pemangkin sesebuah negara yang mampu mengaplikasikan ilmu yang dipelajari justeru memanfaatkan kemahiran yang dimiliki dalam kehidupan seharihan.

Penerapan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia juga dapat melahirkan pelajar yang berbudi bahasa serta menghormati antara satu sama lain .Sikap ini mampu menjadikan sistem pendidikan di Malaysia setanding dengan sistem pendidikan negara-negara Barat .Pelajar yang memiliki nilai-nilai murni serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharihan mampu menjadi cermin kepada keperibadian sesebuah negara .

Pendidikan juga perlu mengambil peranan yang penting dalam membina nilai-nilai yang positif kepada masyarakat terutama para pelajar ke arah menuju sebuah negara yang maju dan moden. Tanpa penerapan elemen nilai-nilai murni tersebut, pembangunan insan menjadi tidak seimbang dari segi akademik dan akhlak malah rakyat Malaysia turut menjadi huru hara.

# **PENGENALAN**

- Menjelaskan secara umum topik kajian
- 1 atau 2 muka surat
- Buat secara berperenggan

# OBJEKTIF KAJIAN

- Perkara yang penting dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana objektif akan menentukan hala tuju semasa kajian.
- Mengenal pasti
- Melihat
- Menganalisis

## CONTOH

- aktiviti perniagaan di kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam. Objektif kajian adalah seperti berikut:
  - 1.Untuk mengenalpasti faktor pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa mahasiswi.
  - 2.Untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi sepanjang penglibatan dalam bidang
  - 3.Untuk mengenalpasti kemahiran-kemahiran yang perlu dipunyai oleh usahawan-usahawan yang baru.

# KAJIAN LITERATUR

- Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan penyelidikan-penyalidikan lepas (tesis) untuk sesuatu penyelidikan terbaru. Tinjauan literatur ialah pengumpulan maklumat penyelidik tentang permasalahan yang sedang dikaji.

## CONTOH

- Apabila seseorang individu itu memperoleh wang, beliau diberi tiga pilihan sama ada mahu membelanjakan kesemuanya, belanja separuh dan menyimpan atau menyimpan dan melabur (**Mohd. Yunos, 2005**). Oleh itu, setiap individu perlu berfikir bagaimana untuk membuat pilihan yang betul agar mereka tidak terjebak dengan masalah kewangan di masa hadapan. Walau bagaimanapun, ketika melakukan perbelanjaan perlu difikirkan sama ada perbelanjaan itu berdasarkan keperluan atau kehendak. Kajian oleh **Sabri et. al. (2008)** menunjukkan kebanyakan orang muda seperti mahasiswa cenderung untuk membelanjakan pendapatan mereka dengan cepat kepada keperluan peribadi dan seterusnya mengabaikan keperluan untuk simpanan peribadi mereka.

# METODOLOGI KAJIAN

- Bagaimana tiap-tiap suatu objektif atau penyelidikan itu hendak dicapai. Metodologi kajian merupakan pengumpulan maklumat serta data terbaharu yang berkaitan tinjauan yang dilakukan.
- KAEDAH KUANTITATIF
- KAEDAH KUALITATIF
- KAEDAH PENGUMPULAN DATA
- KAJIAN PERPUSTAKAAN
- KAEDAH TEMU BUAL
- SOAL SELIDIK
- PEMERHATIAN

## CONTOH

### 5.1 Temu Bual

Temu bual dilakukan bagi mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden. Salah seorang responden yang telah ditemu bual, Dian Shafinaz berumur 20 tahun dan mengambil bidang kejururawatan, pelajar tahun 1 UiTM Puncak Alam. Beliau ditemu bual mengenai bidang keusahawanan yang dijalankan. Antara soalan-soalan yang diajukan kepada beliau ialah nama, kos, umur, pendapatan ibubapa, jenis perniagaan yang dijalankan, waktu memulakan perniagaan, pendapatan bulanan perniagaan, cabaran-cabaran yang dihadapi semasa menjalankan perniagaan dan cara mengatasi masalah tersebut.

### 5.2 Soal selidik

Borang soal selidik digunakan dalam bentuk "Google Form". Pelajar diberi kemudahan dengan mengisi boring tersebut secara atas talian. Borang ini diedarkan melalui "whatsapp". Borang soal selidik ini mengandungi 6 soalan iaitu menyoal responden bidang keusahawanan yang dipilih dan sebab memilih bidang tersebut, pendapatan ibubapa, penglibatan diri pelajar dalam bidang perniagaan sebelum ini, penglibatan diri pelajar dalam kursus keusahawanan, sokongan daripada ibubapa dan akhir sekali masalah-maslah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang menjalankan perniagaan. Seramai 30 orang responden telah melibatkan diri dalam kajian soal selidik ini.

# DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

## 2.0 PERKEMBANGAN TAMADUN ISLAM

Menurut para sejarawan, Tamadun Islam bermula apabila berlakunya pernuruan wahuwah pertama kepada Nabi Muhammad S.A.W. . Bagaimanapun, ada yang mengatakan bahawa Tamadun Islam bermula lebih awal daripada itu apabila dirujuk kepada sejarah para nabi yang dipaparkan oleh Al- Quran. Contohnya, pada zaman Dhu al-Qarnain yang disebut kisahnya dalam al Quran, surah al-Kahf.

### 2.1 Zaman Rasulullah

Tamadun Islam yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W. lebih terserlah berlakunya selepas baginda berhijrah ke Madinah dan membina negara Islam di sana. Pembinaan Tamadun Islam pada zaman baginda S.A.W bermula sejak 13 tahun sebelumnya, namun semasa di Mekah, ayat-ayat al-Quran yang turun lebih menjurus kepada pembinaan aqidah dan akhlak. Ayat-ayat yang menyentuh pembinaan keluarga, masyarakat dan negara turun selepas baginda berhijrah ke Madinah. Mengikut sejarah, selepas berlakunya sepuluh tahun baginda memerintah negara Islam Madinah, Tamadun Islam sudah dapat ditegakkan di dua buah kota besar Semenanjung Tanah Arab iaitu Madinah al-Munawwarah dan Makkah al-Mukarramah.

### 2.2 Zaman Khulafa' al-Rasyidin

Sejarah pemerintahan secara berkhalifah bermula apabila Rasulullah SAW wafat pada tahun 632M. Apabila baginda wafat, para sahabat mengadakan mesyuarat di Madinah dan pada akhirnya bersetuju memilih Sayyidina Abu Bakar menjadi pemimpin umat Islam dan dikenali sebagai khalifatul Rasulullah untuk menggantikan Rasulullah dalam urusan pentadbiran negara Islam serta perfaiksaan syariah. Antara khalifah dalam Zaman Khulafa' al-Rasyidin iaitu Abu Bakar al-Siddiq, Umar ibn al-Khattab, 'Uthman ibn 'Affan dan Ali bin Abi Talib. Pada zaman pemerintahan ini, Tamadun Islam dapat dikembangkan ke seluruh Semenanjung Tanah Arab dan melampaui Empayar Rom dan Parsi. Kota-kota Islam telah dapat diwujudkan antaranya

## 3.0 PEMBUKAAN KERAJAAN ISLAM DI ANDALUSIA

Idea untuk membuka Andalusia bermula semenjak zaman Khulafa' al-Rasyidin iaitu Khalifah Uthman bin 'Affan. Namun, kemunculan masalah dalam kerajaan Islam pada zaman itu telah membantut hasrat tersebut. Usaha selanjutnya diteruskan pada zaman Musa bin Nusayr. Pada tahun 710 Masihi, Musa bin Nusayr iaitu Gabenor Afrika Utara telah menghantar pasukan peninjau yang diketuai Abu Zur'ah Tarif bin Malik bersama 500 tentera. Setahun selepasnya, Tariq bin Ziyad bersama 12,000 tentera ke Andalusia, menyebelah Selat Gibraltar untuk menentang tentera Visigoth (Kristian) pimpinan Roderick yang berjumlah antara 25,000 hingga 100,000 orang. Pada 7 Rabuwal 93 Hijrah, tentera Islam telah menang di Wadi Lakkah. Berikutan kemenangan itu dan selanjutnya, Cordova dijadikan pusat pemerintahan dan kegiatan ekonomi.

### 3.1 Faktor Penerimaan Islam dalam kalangan Masyarakat Andalus dan Eropah

#### 3.1.1 Keistimewaan Ajaran Islam

Islam agama yang menebati fitrah manusia dan bersifat global dan merentasi sempadan geografi. Sikap toleransi dan keadilan Islam menyebabkan rakyat tempatan memeluk agama Islam. Muslim dikenakan zakat sementara "non muslim" dikenakan Jizyah kecuali wanita, kanak-kanak, paderi, dan orang miskin.

#### 3.1.2 Latar Belakang Masyarakat Eropah

Masyarakat Eropah yang sebelum kedatangan Islam terkenal dengan Zaman Kegelapan (Dark Ages). Aspek politik yang mengamalkan sistem pemerintahan otokrasi dan monarki telah menarik minat masyarakat Andalus dan Eropah untuk menerima Islam. Contohnya, pemerintah yang zalim dan bersikap menindas rakyat, dan hak keistimewaan hanya berlebar dalam kalangan golongan bangsawan. Dari aspek ekonomi, kekayaan berkisar dalam golongan atasan, memonopoli seluruh ekonomi dunia tanpa pengenaan cukai. Manakala, rakyat dihadkan dalam pemilikan tanah dan pengenaan kadar cukai yang tinggi. Manakala, hamba abdi sebagai buruh kasar di ladang-


- Membincangkan data- data atau fakta-fakta berkaitan tajuk kertas kerja yang diambil dari pelbagai sumber kemudian dihuraikan dan dianalisis hasil fakta tersebut.
- Perlu dibahagikan kepada
  - *sub topic* yang lebih kecil
  - Penuhi ruang yang ada

# CONTOH HASIL KAJIAN

## 5.3 Hasil kajian

Di Malaysia, kerajaan sangat menitikberatkan untuk membangunkan usahawan lebih-lebih lagi daripada kalangan belia, kerana merupakan golongan yang bertenaga. Potensi yang perlu digalak supaya dapat dibentuk menjadi usahawan yang terbaik. Hal ini menggerakkan kami untuk mengkaji bidang keusahawanan di kalangan mahasiswa. Kajian yang berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana proses atau perjalanan seseorang mahasiswa sepanjang penglibatan dalam dunia perniagaan di University Teknologi Mara Puncak Alam (uitm). Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang mahasiswa. Kerjasama dan respon yang diberikan oleh para mahasiswa yang sukarela melibatkan diri dalam proses penyelidikan hasil kajian amat memuaskan dan menggalakkan ia bukan sahaja terdiri daripadapelajar yang mengambil jurusan perniagaan dan bisnes tetapi melibatkan pelbagai aliran program. Antaranya, optometri, fisiologi, kejururawatan and medical imaging. Hal ini terbukti pendidikan bukanlah penghalang untuk mereka melakukan perniagaan. Maka, hasil daripada kaji selidik yang telah dijalankan sepanjang tempoh kajian ini adalah keputusan bagi kajian tersebut. Borang kaji selidik ini digunakan dalam bentuk "Google Form" dan disebarluaskan melalui "Whatsapp". Penggunaan "Google Form" memudahkan proses mengkaji soalan-soalan yang disediakan. Soalan kaji selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat peribadi mahasiswa yang terlibat manakala bahagian B terdiri daripada beberapa soalan yang berkaitan dengan tajuk kaji selidik.

Antara soalan-soalan dalam borang kaji selidik yang telah edarkan ialah bidang keusahawanan yang dipilih oleh pelajar, pendapatan kasar bagi ibu bapa pelajar, penglibatan diri pelajar dalam bidang keusahawanan sebelum ini, penglibatan diri pelajar dalam mana-mana kursus keusahawanan sepanjang berada di universiti walaupun di luar university, sokongan daripada ibu bapa sebelum mengerakkan perniagaan atau selepas perniagaan dari segi mental dan fizikal. Selain itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar semasa menjalankan perniagaan.



Rajah 1: Bidang keusahawanan yang dipilih oleh pelajar.

Antara bidang yang dipilih oleh pelajar sebagai medium keusahawanan ialah menjual makanan seperti kerepek, Samyang, kek, coco jar dan dadih. Pemilihan bidang keusahawanan makanan adalah yang paling tertinggi. Seperti yang dipaparkan dalam rajah 1 diatas, 61% daripada 30 orang responden memilih keusahawanan makanan.

Seterusnya, bidang keusahawanan yang dipilih ialah kosmetik. Peratusan bagi bidang kosmetik adalah sama dengan peratusan pemilihan bidang keusahawanan pakaian iaitu sebanyak 13%. Penjualan kosmetik seperti makeup dan barang-barang penjagaan kulit, manakala penjualan pakaian seperti blouse, palazzo, dan scarves. Selain itu, pelajar juga memilih bidang keusahawanan perkhidmatan seperti gym dan kenderaan. Sebanyak 9% dalam pemilihan bidang keusahawanan ini. Dalam pada itu, ada juga pelajar yang memilih bidang aksesori sebagai bidang keusahawannya. Bidang keusahawanan ini menunjukkan peratus yang paling rendah iaitu sebanyak 4%.

Dalam borang kaji selidik ini, alasan pelajar memilih keusahawanan ini juga disoal. Antara alasan yang diberikan ialah penjualan makanan kerana ia lebih mudah dan senang untuk mendapatkan pelanggan. Selain daripada itu, penjualan makanan juga mendapat keuntungan yang lebih berbanding bidang yang lain. Penjual perkhidmatan gym juga turut menyatakan alasan kerana melibatkan diri dalam bidang ini. Katanya perkhidmatan membantu memberi kepuasan kepada pelanggan walaupun tidak seberapa dicapai minat itu.

# KESIMPULAN

## 7.0 PENUTUP

Kesimpulannya, Islam amat menitikberatkan kepentingan ilmu dalam membangunkan sesebuah tamadun. Berdasarkan sumbangan-sumbangan tokoh seperti Ibnu Khaldun, Ibnu Sina, Ibnu Battuta dan tokoh-tokoh yang lain, mereka telah banyak menghasilkan karya yang memberi banyak ilmu pengetahuan berkaitan pentadbiran, pengurusan ekonomi, penghasilan teknologi, dan sebagainya untuk dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Organisasi yang mantap juga amat penting dalam membangunkan sesebuah tamadun, tanpa organisasi sesebuah negara akan menjadi kucar kacir dan lemah. Pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin, kita dapat lihat keteguhan organisasinya di mana pemerintahnya sayyidina Abu Bakar Ar-Siddiq yang disersetujui oleh semua rakyat telah membawa impak yang besar dalam perluasan kuasa dan penyebaran ilmu pengetahuan kerana tiada masalah perebutan kuasa dan pemerintah boleh menumpukan sepenuhnya kepada pembangunan tamadun berbanding menyelesaikan masalah negara.

Selain itu, sumbangan tamadun Islam dalam pembentukan tamadun dunia memang tidak dapat dinafikan. Tamadun Islam dapat dilihat dimana-mana sahaja tanpa ada sempadan geografi. Orang Islam telah menyumbang kepada tamadun manusia terutamanya dalam bidang agama, perubatan, astronomi, ekonomi, matematik dan sebagainya. Tamadun Islam telah membawa perkembangan peradaban manusia melalui perkembangan ilmu pengetahuan. Karya-karya tokoh Islam menjadi sumber rujukan utama kepada pelajar sehingga ke hari ini. Umat Islam pada hari ini seharusnya dapat memajukan diri dan berusaha untuk memastikan perkembangan tamadun Islam.

Akhir sekali, melalui kerja kursus ini, kumpulan kami telah melakukan kajian dengan lebih mendalam mengenai tamadun Islam melalui bahan ilmiah seperti rujukan internet, buku sejarah dan buku agama. Tambahan pula, kami dapat mengumpul maklumat baharu yang lebih terperinci dan membolehkan kami aplikasikan dalam pembelajaran kami.

- Rumusan yang di dapati dalam hasil perbincangan dan hasil kajian.
- Melebihi  $\frac{1}{2}$  halaman
- Buat secara berperenggan

# RUJUKAN

## 8.0 RUJUKAN

### Buku :

Ahmad Zaki Abd. Latiff, Azam Hamzah, & Azhar Mad Aros. 2015. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (Edisi Ketiga)*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Yew Chee Wai. 2013. *Xpress Bestari Sejarah Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur : Rina Sdn. Bhd.

Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman, Muhd. Yusof bin Ibrahim, Muhammad Bukhari bin Ahmad & Rosnanaini binti Sulaiman. 2014. *Sejarah Tingkatan 4*. Selangor : Printcorp Sdn. Bhd.

Azam Hamzah (Prof. Madya). 2006. *Sumbangan Tamadun Islam Kepada Peradaban Dunia*. Shah Alam : UPENA Sdn. Bhd.

Yusuf Iskandar. 1997. *Islam dan Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Internet :

Ustaz Abd Aziz bin Harjin. *Konsep Tamadun Islam*. Diperoleh pada 8 november 2016 daripada <http://ctu551.blogspot.my/2008/04/takrif-tamadun-islam.html>

- Buku, e-book, artikel, kertas kerja persidangan, jurnal/e-jurnal, tesis, akhbar, majalah, laman sesawang
- Sekurang-kurang 5 rujukan berautoriti daripada 10 rujukan
- Daripada 10 tersebut, sekurang-kurang 5 buah buku
- Penulisan bibliografi secara *APA Style*

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN



Kedua-dua bilik ini merupakan bilik yang digunakan untuk aktiviti solat Jemaah. Bilik pertama merupakan bilik yang digunakan untuk aktiviti solat Jemaah ketika perkhemahan 2015. Bilik kedua-dua merupakan bilik yang digunakan untuk aktiviti solat Jemaah ketika perkhemahan 2015.



Gambar aktiviti solat Jemaah ketika perkhemahan 2015

- Gambar, peta, petikan akhbar dan sebagainya
- Labelkan lampiran- lampiran tersebut



TAKE 3

MINUTES



# NOTA IDA102



Boleh dimuat-turun daripada:

Laman sesawang

Ufuture

UFUTURE link for students

<https://sites.google.com/view/edutechseries/edutech-series/online-classroom/ufuture-for-students>

SILA ISI Entrance Exit Survey (EES):

**1. ENTRANCE SURVEY : 11 OCTOBER 2021**

**2. EXIT SURVEY : will be announced in Ufuture**



## 4. “*One minute paper*”



# “ONE MINUTE PAPER”



1. What is the most important thing you learned today?
2. What is the least clear issue you still have?



# RUMUSAN

1. Taklimat Kursus

2. Panduan Penilaian

3. Panduan Penyediaan K/K

4. “*One minute paper*”

